

Headline **12 rumah kebajikan terima tajaan gas**
Date **25 Jan 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V13**
Article Size **209 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,010**
PRValue **18,030**



12 rumah kebajikan terima tajaan gas

DALAM usaha berterusan membantu penghidap HIV dan Aids di negara ini, Shell Gas kini tampil sebagai antara badan korporat yang tampil menghulurkan sumbangan kepada 12 rumah kebajikan beroperasi di sekitar Johor, Pulau Pinang, Pahang Selangor dan Kuala Lumpur.

Diuruskan enam rakan organisasi yang bernaung di bawah Majlis Aids Malaysia (Mac), 12 rumah kebajikan itu menerima tajaan gas memasak bagi tempoh setahun bermula bulan lalu.

Gas memasak bernilai RM15,000 itu diagihkan kepada Pertubuhan Wanita dan Kesihatan Kuala Lumpur (Wake), Perkhidmatan Komuniti Aids Pulau Pinang (CASP), Pusat Pemulihan Dadah Pahang (DICP), Intan Life Zone Johor, Welcome Community dan Rumah Ozanam di Selangor.

Pengurus Wake, Muhammad Daruz berkata, tajaan seperti ini sememangnya banyak membantu pesakit serta mereka yang hidup di samping penghidap HIV dan Aids berikutan kos operasi di rumah kebajikan itu



BANTU...

Mohd Zaman Khan (kiri) menerima tajaan gas memasak daripada Ooi, bulan lalu.

dapat dikurangkan.

"Program tajaan Shell Gas ini dapat mengurangkan perbelanjaan di rumah kebajikan terabit lalu wang itu disalurkan untuk perkara lain seperti rawatan dan tempat tinggal yang lebih kondusif," katanya pada majlis penyerahan tajaan di Rumah Wake 1, hujung bulan lalu.

Turut hadir, Presiden Mac, Datuk Mohd Zaman Khan; Pengurus Jualan Nasional Shell Gas, Frederick Ooi dan selebriti reben merah, Dayang Nurfaizah.

Pada 2010, hanya enam rumah kebajikan sekitar Kuala

Lumpur dan Selangor menerima tajaan gas iaitu tiga di Rumah Wake (Wake 1, Wake 2 dan Wake 3), Rumah Welcome Community, Welcome Positive Living Community dan Rumah Ozanam.

Ia diperluaskan ke beberapa lokasi lain mulai tahun ini dengan dua di Johor iaitu Rumah Intan Life Zone Dignity 1 dan Intan Life Zone Dignity 2, satu di Pulau Pinang (Rumah CASP) manakala tiga lagi di Pahang (DIC Pahang-Casa Villa, DIC Pahang-Casa Harapan dan DIC Pahang-Casa Non Kasta).